

PEMIMPIN KITA



DR. MAHATHIR

KULIM, Sabtu

TIMBALAN Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamed menekankan bahawa pemimpin-pemimpin kita bukanlah terdiri daripada mereka-mereka yang tamakkan kuasa sebab itulah kita mengadakan pilihanraya dari masa ke semasa.

Kerajaan adalah sentiasa percaya-kan kepada sistem demokrasi di mana rakyat berhak memilih wakil-wakil mereka menerusi pilihanraya. "Kalau kita tidak percayakan kepada sistem demokrasi kita boleh perintah negara ini begitu sahaja tanpa mengadakan pilihanraya," katanya.

Dr. Mahathir Mohamed berkata demikian dalam ucapannya di rapat umum Barisan Nasional untuk pilihanraya kecil Lunas di pekan Padang Serai, 12 batu dari sini malam tadi. Kira-kira 3,000 orang telah mengikuti rapat umum tersebut.

Dr. Mahathir menambah, di setengah-setengah negara lain tidak ada cara pemilihan seperti mana yang berlaku di Malaysia dan kadangkala di setengah-setengah tempat berlaku pula bermacam-macam kejadian buruk seperti bunuh-membunuh dan lain-lain.

Tetapi di Malaysia, jelas Timbalan Perdana Menteri, tidak pernah berlaku perkara-perkara yang seumpama itu dan kerajaan katanya akan terus mempertahankan sistem demokrasi yang ada pada masa ini.

TIDAK TAMAK KUASA -DR. M

Dr. Mahathir mengulangi hasrat kerajaan bagi menjaga hak semua pihak di negara ini dan kerajaan akan cuba menolong semua kaum, katanya lagi.

Beliau mengingatkan pengundi-pengundi di kawasan Lunas supaya jangan didorong oleh rasa tidak puas hati terhadap kerajaan dengan memberi undi kepada pembangkang kerana itu akan membinasakan diri mereka sendiri, tambahnya.

Di dalam satu-satu pilihanraya, kata Dr. Mahathir, pengundi-pengundi berhati-hati dan pilihan mereka yang boleh berkhidmat kepada rakyat. Untuk berkhidmat kepada rakyat, orang itu mestilah datangnya daripada parti yang berkuasa jelas beliau.

Dr. Mahathir mengingatkan lagi, walaupun pihak pembangkang memenangi kerusi kawasan Lunas itu, mereka tidak boleh berbuat apa-apa pada rakyat kerana mereka tak ada kuasa, kuasa cuma ada di tangan Barisan Nasional yang memerintah.